

SEGERA

SURAT PEKELILING NO. 4/2000

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan
Sarawak

KEPADA: Semua Pegawai Daerah
selaku Pegawai Lesen

S.K. Pesuruhjaya Polis Sarawak
Semua Residen
Semua Setiausaha Perbandaran/Daerah

PERKARA: *Pembekuan secara total semua permohonan untuk memiliki/membawa/mengguna /
pindahmilik senjatapi termasuk permohonan pindahmilik melalui probet.*

BIL. KITA: 53/JKM.P/SEC/01/003/07


TARIKH: 10 Mac 2000

Kerajaan Negeri memandang serius mengenai kegiatan jualbeli senjatapi secara haram serta pengeluaran lesen senjatapi palsu di negeri ini yang telah didedahkan baru-baru ini. Insiden sedemikian tidak mungkin berlaku sekiranya pihak berkuasa yang berkenaan mematuhi sepenuhnya peruntukan Akta Senjatapi 1960 dan pelbagai arahan administratif Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengenai senjatapi dan juga sekiranya mereka telah mengambil langkah yang ketat terhadap penyemakan dan pemerosesan pengeluaran lesen dan salinan pendua lesen senapang patah.

2. Memandangkan perkara di atas mengancam keselamatan negara, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membekukan secara total semua permohonan pindahmilik senjatapi termasuk permohonan pindahmilik melalui probet. Pembekuan ini juga meliputi semua permohonan memiliki, membawa dan mengguna senjatapi. Keadaan ini akan dikaji semula selepas siasatan ke atas kes-kes pengeluaran permit palsu diselesaikan.

3. Sehubungan dengan ini, semua Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran adalah diarah untuk memberhentikan penerimaan permohonan pindahmilik senapang, permohonan memiliki/membawa/mengguna senjatapi dan penggantian lesen senapang dengan serta merta.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI HAMID BUGO)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak